

Banjir melanda Pahang

Oleh KHAIRATUL AINAL
ABDUL KARIM
berita@kosmo.com.my

KUANTAN - Seramai 77 orang terpaksa ditempatkan di tiga pusat pemindahan mangsa banjir berikutan rumah mereka dinaiki air di daerah ini sehingga pukul 5 petang semalam.

Bagaimanapun, 46 lagi mangsa yang berpindah sejak kelmarin telah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing tengah hari semalam berikutan air kembali surut.

Jurucakap bilik gerakan banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang berkata, 77 orang mangsa terlibat

kini berada di Dewan Orang Ramai Indera Mahkota, Tadika Perpaduan Cenderawasih dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Paya Besar.

"Mereka yang dipindahkan antaranya terdiri daripada penduduk kawasan Kampung Sungai Isap Damai, Sungai Isap Perdana, Kampung Tiram, Kampung Segantang Lada, Kampung Razali, Tanah Putih, Perkampungan Cenderawasih dan terbaharu, Taman SC.

"Mangsa terbabit dipindahkan sejak tengah malam tadi (kelmarin) sehingga petang semalam berikutan hujan lebat sejak dua hari lalu yang menyebabkan kawa-

san berkenaan dinaiki air antara 0.5 meter hingga 1.5 meter," katanya ketika dihubungi semalam.

Dalam pada itu, jurucakap itu berkata, mereka yang dibenarkan pulang merupakan penduduk yang ditempatkan di pusat pemindahan SMK Bukit Rangin (42 orang) dan Sekolah Kebangsaan Galing (empat orang).

Sementara itu, katanya lagi, paras air Sungai Pahang dan Sungai Kuantan masih di paras berjaga-jaga, namun ia belum melepasi paras bahaya.

"Setakat ini juga kita tidak menerima laporan berlaku banjir di daerah-daerah lain di Pahang lagi melainkan daerah Kuantan," ujarnya.



DUA penduduk di Kampung Tiram meredah banjir setelah kawasan itu mula dinaiki air di Kuantan semalam.

Bomba pantas pindahkan suami lumpuh



KETUA Pemuda UMNO Bahagian Indera Mahkota, Suhaimi Sulong (kiri) bertanya sesuatu kepada Zulkarnaen dan Kamiliya di pusat pemindahan banjir KRT Cenderawasih Timur di Kuantan semalam.

KUANTAN - "Apabila air mula naik, saya hanya fikirkan keselamatan suami yang lumpuh dan dua anak kecil saya, nasib baik bantuan segera sampai untuk menyelamatkan kami sekeluarga."

Demikian cerita Kamiliya Sulaiman, 41, salah seorang daripada 45 mangsa banjir yang terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan banjir Dewan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Cenderawasih Timur di sini ekoran rumah mereka dilanda banjir kelmarin.

Ujar Kamiliya, ketika kejadian kira-kira pukul 2 pagi itu, dia bersama suaminya, Zulkarnaen Nasim, 42, yang lumpuh separuh badan sejak dua tahun

lalu tidak dapat tidur kerana menyedari hujan lebat yang turun boleh menyebabkan rumah mereka dinaiki air.

"Saya telah pun bersiap sedia ketika itu dengan mengemas barangan berharga serta peralatan elektrik untuk disimpan di tempat tinggi di dalam rumah.

"Ini kerana saya sedar air biasanya naik begitu cepat di sekitar kawasan rumah kami jika hujan turun tanpa henti selama beberapa jam," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Dia yang tinggal di Kampung Jawa berkata, keadaan itu menjadi kenyataan apabila air mula naik pada paras tangga rumah papannya dan memenuhi dapur

yang dibina di atas tanah.

"Melihat keadaan itu, saya segera meminta jiran mendapatkan bantuan kerana saya tidak mampu mengangkat suami yang lumpuh, apatah lagi saya perlu menjaga empat anak kami yang berusia antara 13 hingga satu tahun," katanya.

Dia berkata, tidak lama selepas itu anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat datang menyelamatkan mereka dengan menggunakan bot.

"Tanpa bantuan itu, saya tidak tahu bagaimana untuk menyelamatkan dia dan anak saya kerana jiran lain juga sedang sibuk menyelamatkan diri dan barangan masing-masing," katanya.